

Ahli politik BN diminta ambil iktibar kenyataan

Dr. Mahathir

UM 16 OCT 2003

PUTRAJAYA 15 Okt.—
Semua pihak perlu meng-ambil iktibar daripada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ahli politik veteran Barisan Nasional (BN) berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Setiausaha Agung UM-NO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, kenyataan berkenaan perlu dijadikan iktibar kerana apabila tiba masa pilihan raya keadaan akan berubah mengikut pucuk pimpinan baru.

“Perubahan pucuk pimpinan akan mempengaruhi amalan memilih calon dan pemberian jawatan,” katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, hari ini.

Peluang

Khalil mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN semalam bahawa veteran-veteran BN perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga membantu kempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru ini dalam pilihan raya umum nanti.

Beliau turut menjelaskan laporan mengenai amanat terakhir Dr. Mahathir pada majlis Mesyuarat Tertinggi (MT) pada 30 Oktober ini adalah tidak tepat.

“Mesyuarat 30 Oktober ini adalah mesyuarat biasa yang akan diikuti dengan majlis berbuka puasa, sembahyang tarawih dan aktiviti lain yang biasanya dilakukan pada bulan puasa,” katanya lagi.